

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	16 APRIL 2016

Nurul Izzah sangkal dakwaan Tun M

PETALING JAYA - Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar menyangkal dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa bekas Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim terlalu tua untuk menjadi perdana menteri.

Nurul Izzah berkata, perkara berkenaan tidak relevan kerana Anwar merupakan simbol kepada ketempangan negara sama ada dalam sistem politik sejak 1998 atau sistem kehakimannya.

"Pada saya isu ini (Anwar terlalu tua untuk jadi perdana menteri) seperti yang saya katakan, kita

tidak mahu mantan diktator dan diktator kini menentukan masa depan dan hala tuju Malaysia.

"Jika kamu mengalukan seseorang itu lontarkan pandangan peribadi yang penuh rasa tidak bersetuju, kamu akan

hilang matlamat asal. Akhirnya, rakyat akan menentukan siapakah yang layak memimpin nega-



NURUL IZZAH

ra," katanya.

Beliau menggesa rakyat lebih aktif bagi memastikan diri dan suara mereka diwakili dalam pelbagai forum termasuk Deklarasi Selamatkan Malaysia.

"Kita ada agenda tersendiri iaitu agenda reformasi dan kita perlu komited. Saya fikir rakyat mengetahuinya kerana kita sedang bercakap mengenai cara

selamatkan Malaysia," katanya.

Ditanya mengenai kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bersetuju menjadikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi sebagai calon perdana menteri, Nurul Izzah sekali lagi mengulangi kenyataan beliau sebelum ini bukan sahaja perdana menteri perlu ditukar tetapi sistem pemerintahan juga harus ditukar.

"Bila masa sistem itu masih sama, jadi penggantinya tidak mampu mengubah kerosakan yang wujud. Apa bezanya Ahmad Zahid jadi perdana menteri?," soalnya.

Sinar Harian - 16/4/2016